

Ucapan: 15/10/2017

Program Ziarah Kebajikan PUSPANITA Ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah

Yang Dipertua PUSPANITA

Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi Bin Rohani

Setiausaha Kerajaan merangkap Penasihat PUSPANITA

Cawangan Negeri Johor

Yang Berbahagia Datin Dr. Hajah Noor Azizah Abdul Latiff

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Johor

YBrs. Dr. Hajjah Rooshaimi Merican A. Rahim Merican

Pengarah Kesihatan Negeri Johor

YBrs. Dr. Aman Bin Rabu

Pengarah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Ahli – ahli Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA; dan

Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil media dan seterusnya para hadirin dan peserta iM4U yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini sempena Program Ziarah Kebajikan PUSPANITA Ke Hospital Sultanah Aminah pada pagi ini.
2. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Sultanah Aminah, Polis DiRaja Malaysia dan semua pihak yang sudi menerima kunjungan PUSPANITA pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. PUSPANITA sebagai sebuah **persatuan berkebajikan** aktif dalam melaksanakan tanggungjawab sosial di seluruh Negara dengan memberikan sumbangan kebajikan bertepatan dengan peranan PUSPANITA sebagai **Rakan Perkhidmatan Awam**. Peranan dan tanggungjawab PUSPANITA tidak dapat dinafikan malah sentiasa membantu Kerajaan dalam menyampaikan dan menawarkan perkhidmatan terbaik kepada komuniti masyarakat yang disasarkan.
4. Program Ziarah Kebajikan PUSPANITA telah bermula dari tahun 2014 di mana pelbagai program dan aktiviti kebajikan telah dijalankan di seluruh Negara termasuklah Sabah dan Sarawak. Sumbangan-sumbangan kebajikan ini telah disalurkan kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti mahupun kepada Agensi Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kepada rakyat seperti hospital, sekolah, rumah-rumah kebajikan dan masyarakat yang memerlukan. Langkah ini adalah bertepatan dengan usaha PUSPANITA untuk **Merakyatkan PUSPANITA** dengan mendekati ahli-ahli, komuniti dan masyarakat di peringkat akar umbi.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. **Amalan cara hidup sihat** sentiasa diberi penekanan dan perhatian yang serius oleh Kerajaan dalam melahirkan rakyat yang sihat dan produktif selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti negara. **Pemakanan yang seimbang, melakukan aktiviti senaman dan riadah dan pemeriksaan kesihatan yang berkala** merupakan perkara yang wajar di amalkan oleh setiap individu.
6. Menyedari kepentingan ini, penyediaan fasiliti dan peralatan yang bersesuaian perlu diperlengkapkan di setiap Hospital mahupun Klinik Kesihatan bagi memupuk amalan cara hidup sihat. Sehubungan dengan itu, **PUSPANITA telah mengambil langkah proaktif** dengan memberi sumbangan kebajikan yang sekaligus membantu Kerajaan dalam melengkapkan keperluan peralatan perubatan dan bukan perubatan di Hospital dan Klinik yang memerlukan.
7. Saya difahamkan, sempena Ziarah Kebajikan PUSPANITA Ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada pagi ini, PUSPANITA berbesar hati untuk memberikan sumbangan kebajikan kepada hospital dan juga warga kerja/ anak warga kerja yang memerlukan bantuan.
8. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada PUSPANITA di atas usaha murni ini. Saya berharap usaha sebegini dapat dipergiatkan lagi di masa-masa akan datang.
9. Saya juga berharap agar semua pihak dapat mengembleng tenaga dan bekerjasama dalam mempertingkatkan usaha-usaha kebajikan seumpama ini di masa akan datang.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Hospital Sultanah Aminah atas kerjasama dan usaha yang diberikan. Saya mendoakan yang terbaik kepada semua warga Hospital dan berharap agar saudara dan saudari sekalian akan terus berkhidmat dengan cemerlang demi menabur bakti kepada rakyat dan negara.

11. Sekalung penghargaan juga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, PUSPANITA Kebangsaan, PUSPANITA Cawangan Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan semua pihak sama ada terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam menjayakan Program Ziarah Kebajikan PUSPANITA pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19147/Program-Ziarah-Kebajikan-PUSPANITA-Ke-Hospital-Sultanah-Aminah-Johor-Bahru>